

# Usah biar isu babi jejas silaturahim

## Tindakan terburu-buru merugikan dakwah

Nampaknya perbincangan isu babi masih tidak habis. Minggu lalu saya mencadangkan di jauhi saja kedai ultra kiasu yang sengaja memasukkan najis babi bagi tujuan mengaut keuntungan dan merosakkan hati umat Islam.

Alasannya, kita ada pilihan kedai orang Islam yang terjamin halal. Cuba lihat pembuatan bihun di kilang ultra kiasu seperti yang tersebar dalam laman sosial baru-baru ini. Cap masjid lagi. Betapa jijik dan kotorannya. Mereka hanya fikirkan untung. Justeru, belilah bihun orang Islam. Begitu juga produk lain, jika ada pilihan.

Apapun perlu diingat, babi itu tetap makhluk Allah, bukan jadian syaitan. Kita dilarang makan, tetapi sifat dan rupa babi sebagai makhluk Allah mesti dihormati. Jika tidak, kita mengeji kejadian Allah ini. Kufur jadinya.

Tidak mustahil babi akan mengadu kepada Allah, "Adakah aku dijadikan untuk dikeji dan dihina." Ingat! Semua makhluk yang dijadikan Allah adalah untuk kita. Kita akan diuji dengan makhluk ini, tidak kira sama ada ia halal atau tidak.

Apatah lagi kita tinggal dalam masyarakat berbilang kaum. Untuk mendapatkan 100 peratus halal memang sukar. Duit yang kita pegang berlegar-legar di kedai babi, sampai kepada kita, kenapa kita tidak samak

duit itu?

Apakah selepas ini kita perlu memandang kepada lalat dan berkata, pernahkah lalat ini hinggap di kedai babi. Jika pernah, maka kita akan buru dan bunuh lalat itu kerana takut terkena pada badan dan makanan kita.

Saya masih teringat ketika pergi ke sebuah pasar. Kedai babi dan kedai ayam berdekatan. Bagaimana pergaduhan berlaku hanya kerana lalat dari kedai babi terbang ke kedai ayam. Kita tidak boleh terima sama sekali jika terkena babi. Hatta, memandang babi pun tidak mahu. Hina sungguh babi.

### Usah naif

Begitu juga dengan darah dan organ yang didermakan oleh bukan Islam. Adakah kita perlu menyamak benda itu sebelum dimasukkan ke dalam badan orang Islam. Adakah sampai ke peringkat menukarkan darah? Naif sungguh kita. Kenapa kita tidak menyamak udara yang dihembuskan oleh babi dan bersin babi? Adakah mampu untuk kita mengasingkan udara dan bersin yang dikeluarkan itu?

Sama juga dengan isu anjing. Apakah salah atau berdosa besar mereka yang memelihara anjing? Anjing wajib dibela, jika hanya anjing saja yang boleh membantu keselamatan negara, mengesan jejak orang jahat, pembunuh, perogol, penagih dadah dan sebagainya.

Zaman duhulu, orang Islam mem-bela anjing bagi tujuan menjaga kebun, perburuan dan menunjuk arah

(kompas). Artikel ini bukan bertujuan atau menggalakkan orang Islam memelihara anjing, tetapi jangan kerana anjing dan babi, putus tali silaturahim.

Malah, cendekiawan Islam, Hassan al-Basri mahu kita meniru 10 sifat anjing. Kenapa bukan binatang lain untuk kita tiru seperti kucing yang menjadi binatang kesayangan kita? Antara sifat mulia anjing; pertama, anjing tidurnya amat sedikit, banyak berjaga pada waktu malam. Kiasannya, kita perlu berjaga malam untuk sujud kepada Allah. Kedua, anjing tidak tidur di tempat tinggi atau lebih tinggi daripada tuannya, tetap tidur di tempat rendah, begitu sifat manusia yang tawaduk dan rendah diri.

**“  
Saya masih teringat, ketika mula memeluk Islam, ada yang mencadangkan supaya apabila balik ke rumah ibu bapa saya, seluruh rumah dan peralatan perlu disamak”**

Ketiga, anjing apabila disuruh, dia akan ikut kata tuannya. Begitu juga kita sebagai pelajar, ikutlah kata guru yang benar ajarannya. Keempat, anjing tidak merajuk jika dimarahi dan dipukul oleh tuannya, malah akan kembali semula. Begitulah juga kita yang ingin mencari ilmu. Jangan mudah merajuk atau terasa hati, bila dimarahi atau mungkin dipukul sedikit.

Kelima, bila anjing berlari ke hadapan, dia akan terus bergerak ke hadapan, tidak berpatah balik. Begitu juga dengan kita. Jangan mudah berputus asa dan majulah ke hadapan. Keenam, anjing sentiasa lapar tetapi jarang makan sampai kenyang. Begitu juga manusia, lapar akan sentiasa mengingatkan diri kepada Allah, puasa adalah iktibarnya.

Ketujuh, anjing tidak ada tempat tetap, sentiasa berpindah randah. Itulah sifat kita semua sebagai pendakwah yang sentiasa bergerak untuk menyebarkan syiar Islam.

Kelapan, bila anjing mati, tidak ada apa yang ditinggal atau diwarisi. Kiasannya, inilah sifat zuhud. Jangan terlalu tamak mengumpulkan harta sehingga melupakan orang lain. Kesembilan, jika tempatnya diambil orang lain atau diletakkan benda lain, anjing tidak berebut atau bergaduh atau berendam, sebaliknya akan berpindah ke tempat lain. Inilah sifat hamba yang reda dengan bahagiannya.

Kesepuluh, jika diberi makan, anjing akan makan. Jika tidak, hanya memandang dari jauh. Inilah sifat manusia yang perlu ada, reda dengan bahagiannya. Justeru, perlukah kita memandang hina pada makhluk yang begitu mulia sifatnya ini?

Sebab itulah, tindakan kita perlu berhati-hati agar tidak merugikan dakwah. Saya masih teringat, ketika mula memeluk Islam, ada yang mencadangkan supaya apabila balik ke rumah ibu bapa saya, seluruh rumah dan peralatan perlu disamak.

Kita terlalu sensitif dengan DNA babi, tetapi kenapa dalam soal rasuah, judi, arak, zina, hiburan melampau dan sebagainya dipandang ringan. Ingat saudaraku! Babi cip-taan Allah. Suka atau tidak, kita perlu menerimanya dengan penuh hikmah. Cuma berhati-hatilah. Justeru, berhati-hati apabila mengeluarkan kenyataan.



### Penulis

ialah Profesor Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu



**DR MOHD  
RIDHUAN TEE  
ABDULLAH**